

## **JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang merupakan anak jati Negeri Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan untuk memohon kekosongan jawatan di Yayasan Perak seperti berikut :-

1. Jawatan : **Eksekutif Kewangan Gred W29**
2. Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
3. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
4. Taraf Jawatan : Kontrak/Tetap
5. Jadual Gaji :

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
RM1,498.00	RM5,678.00	RM145.00

6. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Warganegara Malaysia; dan
  - (b) Berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - (d) Diploma Perakaunan dan Perbankan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

7. Pengalaman : Calon mempunyai pengalaman dalam penyediaan set lengkap buku rekod perakaunan atau penyata kewangan. Calon juga berpengalaman berurusan dengan Jabatan Audit Negara (JAN).
8. Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan kewangan dengan akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai daftar deposit, amanah dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan.
9. Tarikh Tutup Iklan : **15 Februari 2024**
10. Calon-calon yang berminat hendaklah menghantar permohonan dengan menyertakan salinan Kad Pengenalan, Sijil PMR, Sijil SPM, Diploma, resume dan sekeping gambar berukuran passport melalui email [sumbermanusia@yayasanperak.com.my](mailto:sumbermanusia@yayasanperak.com.my) atau pos ke alamat seperti berikut:-

**Unit Sumber Manusia  
Yayasan Perak  
Tingkat 1, Wisma Yayasan Perak,  
No. 111, Jalan Sultan Idris Shah,  
30000 Ipoh, Perak**

11. Catatan :
  - a) Hanya calon-calon yang terpilih dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
  - b) Jika sekiranya calon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh tutup iklan, calon dianggap **TIDAK BERJAYA**.
  - c) Keputusan temuduga adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

**Tarikh: 2 Februari 2024**